

EK2

M'SIA PERLU BANYAK AHLI IKTISAS

1975

SHAH ALAM, 2 SEPT (BERNAMA BP) — MALAYSIA MEMERLUKAN LEBIH BANYAK AHLI-AHLI IKTISAS YANG CEKAP MEUJEKMANDANGKAN PERKEMBANGAN SEKTOR PERUSAHAAN YANG MENINGKAT DENGAN PESATNYA DALAMASA 15 TAHUN YANG AKAN DATANG.

ADALAH DIJANGKAKAN PERKEMBANGAN TERSEBUT AKAN MENINGKAT DENGAN KADAR ANTARA 18 HINGGA 35 PERATUS DARI JUMLAH BESAR EKONOMI NEGARA

DALAM TAHUN 1975 HINGGA 1990, KATA MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED, HARI INI.

BERUCAP MERESMIKAN SIMPOSIUM MENGENAI +ASPEK-ASPEK PERAKAUNAN DAN PENGURUSAN DALAM INDASTRI+ DI INSTITIUT TEKNOLOJI MARA DI SINI, BELIAU MENAMBAH KERAJAAN BERPUASHATI DENGAN KEMAJUAN YANG DICAPAI OLEH INSTITIUT TERSEBUT SETAKAT INI DARI SEGI MENGADAKAN KURSUS-KURSUS IKTISAS DAN SEPARA-IKTISAS.

DR. MAHATHIR MENYERU SUPAYA PIHAK SWASTA MEMBERI PERHATIAN DAN NILAIAN YANG SEWAJARNYA KEPADA SISWAZAH-SISWAZAH ITM.

+PENGAMBILAN SISWAZAH ITM OLEH PIHAK SWASTA BUKAN SAJA AKAN MEMENUHI DASAR EKONOMI NEGARA TETAPI PARA SISWAZAH ITU SENDIRI AKAN MENJADI ASSET KEPADA FIRMA-FIRMA KERANA KEBOLEHAN MEREKA YANG BERGUNA,+ KATANYA.

BELIAU JUGA MENGGESA PARA PELAJAR NIPUTRA YANG CENDERONG SUPAYA MENUMPUKAN PERHATIAN MEREKA SEPENUHNYA TERHADAP MATAPELAJARAN AKUANTANSI, PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN.—BERNAMA BP 1435/MM